

Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau

Belief and Customs in the Death Ritual of The Bajau Community

Nordiana binti Mosum
Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Nordiana binti Mosum (yayangdyana1003@gmail.com)
Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff (yuszaidy@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Kertas kerja ini mengenai adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau. Masyarakat Bajau masih mempercayai adat dan kepercayaan dalam kehidupan sehari-hari sehingga pada peringkat kematian terutamanya mereka yang tinggal di Kampung Pangkalan Kunak, Sabah. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti mengenai adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan etnografi yang amat sesuai kerana terdapat kajian lapangan yang terdiri daripada pemerhatian dan ikut serta dalam kegiatan masyarakat itu. Waktu yang sama menggunakan kaedah temubual secara berfokus dan berkumpulan dalam mengutip data-data yang sesuai dengan kajian ini. Bagi menyokong kajian lapangan, kajian di perpustakaan turut dilakukan dengan meneliti bahan-bahan bercetak seperti buku, jurnal dan kajian ilmiah yang berkaitan dengan penyelidikan dilakukan. Bahan-bahan yang dikutip dan dikumpul melalui kedua-dua kaedah ini akan dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kandungan teks, wacana dan bacaan rapi untuk memperolehi data-data yang berguna. Kajian ini menggunakan pendekatan konsep adat dan kepercayaan sebagai garis panduan dalam perbincangan kertas kerja ini. Hasil dapatan mendapati masyarakat Bajau sangat menyanjung tinggi adat dan kepercayaan yang dipegang, sikap etnosetrism pada diri mereka begitu kuat. Sesungguhnya, adat bagi masyarakat Bajau adalah harga diri, identiti dan maruah mereka yang sangat tinggi nilainya sehingga adat dan kepercayaan itu terus menjadi amalan yang sebatas dalam kincalah kehidupan mereka yang sangat memainkan peranan penting. Justeru, kajian ini diharap dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan mengenai kehidupan masyarakat Bajau, Sabah.

Kata Kunci: Adat, Kepercayaan, Ritual, Kematian dan Bajau.

ABSTRACT

This is a research on the belief and customs in the death ritual of the Bajau community. The Bajau community still believe in the belief and custom of the death ritual especially within people who lived in Kampung Pangkalan Kunak, Sabah. The Objective of this research is to identify the tradition and superstition regarding the Bajau's death ritual. The methodology of this research applied the ethnographical approach which is suitable because in this field of study consist of observation and the involvement in the community activities itself. Along with this approach, another approach were conducted which is a focused and group interview in order to collect suitable data for this research. In order to support this field of study, a library research were also conducted by reviewing printed materials such as books, journals, and other related academics researches. The materials which were collected through both of these approach will be analysed using the analytical technic on the content

of the text, discourse, and intensive reading in order to obtain relevant data and informations. This research uses the approach on the concept of belief and customs as the guideline to further the discussion of this research. The findings of this research finds that the Bajau community have high praise in their customs and beliefs, the ethnocentrism within them are firm. It is indeed the Bajau community consider their tradition as their pride, identity, and honour which value they uphold the most, to which this tradition were still practiced nowadays as part of their lives. Thus, hopefully this research will add more to the knowledge regarding the life of the Bajau community in Sabah.

Keyword: Customs, Beliefs, Ritual, Death and Bajau.

1. Pengenalan

Etnik Bajau tergolong daripada dua kumpulan iaitu yang tinggal di lautan dikenali sebagai *Pala'u*¹ dan di daratan dengan gelaran *Sama*.² Mereka bekerja sebagai nelayan, penyelam, pertukangan dan lebih kepada mengutip hasil laut. Majoritinya menetap di daerah Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Sandakan. Etnik ini tergolong dalam kumpulan etnik Bajau Pantai Timur. Masyarakat Bajau majoritinya masih banyak yang bergantung hidup kepada sumber laut sehingga banyak orang Bajau ini masih tinggal di kawasan pinggir pantai, pulau bahkan membina rumah di atas air. Ianya bersesuaian dengan tuntutan kepentingan laut kepada mereka sebagai sumber ekonomi, sosiobudaya dan pengangkutan laut. Dari konteks sosial pula, masyarakat Bajau adalah beragama Islam walaupun sekelintir daripadanya iaitu Bajau laut atau *Pala'u* yang masih tidak mempunyai sebarang pegangan agama.³

Apabila berlakunya kematian, sudah pasti adanya proses pengurusan jenazah yang akan dijalankan secara tertibnya begitu jugalah dalam suku kaum Bajau. Lebih-lebih lagi, proses pengurusan ini mempunyai adat dan pantang larangnya tersendiri. Kematian adalah suatu kepastian yang tidak mampu diramal oleh manusia kerana telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Terbukti apabila adanya hadith yang membicarakan mengenai kebenaran ajal maut, sepertimana firman Allah SWT:

“Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Dan baru pada hari kiamatlah disempurnakan pahalamu. Barang siapa dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, maka sungguh ia beruntung. Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.”⁴

"Katakanlah: Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan."⁵

¹ Sebutan yang sinonim untuk merujuk Bajau yang tinggal di dalam perahu atau laut ini dikenali sebagai *Pala'u*, iaitu yang berasal daripada perkataan “perahu” dan “pelaut”. Nama ini disebut dalam bahasa tempatan *Pala'u*. Justeru, gelaran *Pala'u* digunakan bagi merujuk etnik Bajau Laut. Gelaran *Pala'u* ini juga digunakan sebagai salah satu cara untuk membezakan kedudukan dan taraf hidup antara etnik Bajau Laut dengan masyarakat lain. Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul (pngr.), *Bajau Pantai Timur*, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad. 2012. Hlm. 25-26.

² *Sama* merujuk kepada panggilan bagi suku kaum Bajau.

³ Bajau Laut atau *Pala'u* di Pantai Timur Sabah tidak mempunyai agama (ateis), bukan Islam dan rendah taraf. Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul (pngr.). *Bajau Pantai Timur*, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad. 2012. Hlm. 26.

⁴ H. Oemar Bakry, *Tafsir Rahmat*, Surah Al-Imran Ayat 185.

⁵ <http://tafsirq.com/62-al-jumuah/ayat-8>. Surah Al-Jumu'ah, ayat 8.

2. Sorotan Literatur

Penulisan Yap Beng Liang (1993) dalam bukunya yang berjudul *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-Aspek Budaya* pada bab keempat ada memerihalkan antara amalan-amalan dan kepercayaan masyarakat Bajau yang merangkumi budaya hidup mereka. Secara amnya, ritual kematian ada dibincangkan oleh pengarang yang mengemukakan antara amalan-amalan dan ritual yang dijalankan semasa, sebelum dan selepas upacara pengebumian dilakukan. Sedikit sebanyak, Yap Beng Liang memperlihatkan antara amalan yang masih kekal sehingga hari ini.

Kajian oleh Dzulfawati Hj Hassan dalam tesis Sarjana Falsafahnya “Satu Analisis Mengenai Upacara Kematian Melanau Likow di Sarawak” (1993) memberikan bukti bahawa upacara kematian Melanau Likow sebenarnya adalah satu upacara yang kompleks dan diadakan secara besar-besaran. Ia masih dianggap penting dan bermakna di sebalik setiap upacara dan amalan yang dijalankan. Ini membuktikan ianya mengandungi fungsi dan kepentingan yang merangkumi pelbagai aspek. Kajian ini turut mengemukakan simbol dan makna tertentu dalam upacara yang dilakukan. Di samping itu, upacara kematian Melanau Likow juga mengandungi eleman kesepadan sosial antara masyarakatnya. Ia juga adalah ruang untuk orang Melanau Likow menonjolkan aspek sosio-ekonomi dan status sosial mereka. Akhirnya, kajian ini juga menjelaskan bagaimana perubahan budaya dan pembangunan yang telah dan sedang berlaku dalam masyarakat ini telah memberikan kesan dan cabaran kepada upacara tradisi mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Ibrahim Gultom (2002) dalam tesis Doktor Falsafahnya iaitu “Agama Malim di Tanah Batak: Suatu Kajian Tentang Sistem Kepercayaan, Ritual dan Ajarannya”. Penulisan ini sedikit sebanyak ada membincangkan mengenai ritual kematian agama Malim yang dikenali sebagai “Pasahat Tondi”. Ritual ini lebih kepada melihat pandangan golongan agama Malim tentang kematian seseorang manusia yang sudah meninggal dunia. Mereka mempercayai roh manusia yang baru meninggal dunia akan ditempatkan dalam kelompok yang suci (*na badia*) apabila hidup melakukan kebaikan. Sementera roh yang jahat pula dinamai sebagai roh yang kotor (*na hodar, ramun dan madangadang*) yang wujudnya akan menjadi hantu. Bukan itu sahaja, penulisan ini ada membincarkan mengenai kepentingan atau bentuk-bentuk amalan yang masih diamalkan iaitu menghormati jenazah sebelum dan sesudah dikebumikan.

Kajian oleh Izmanira Ismail dalam tesis Sarjananya “Adat Tradisi Kematian Bagi Suku Kaum Bajau (Sama) Taun Gusi Kota Belud Sabah” (2003) memperkenalkan adat tradisi kematian masyarakat Bajau Taun Gusi, Kota Belud Sabah yang sudah sebatи sebagai gambaran identiti masyarakat berkenaan. Perkara yang dibincangkan dalam kajian ini termasuklah mengenai aspek-aspek latar belakang kajian, mengenai sejarah atau asal usul keturunan, pelaksanaan adat kematian serta pantang larang yang terkandung di dalamnya. Pengkaji turut memberi perincian mengenai denda adat dan peranan adat dalam tempoh perlaksanaan pantang larang berkenaan. Beliau melihat, adat dalam masyarakat Bajau sangat penting dan merupakan khazanah terbesar yang mereka sanjung tinggi dan sayangi.

Selanjutnya, Gusni bin Saat (2005) dalam tesis Doktor falsafahnya iaitu “Urbanisasi dan Stratifikasi Sosial di Kalangan Sama-Bajau di Sabah, Malaysia”. Kajian ini mengemukakan pelbagai cabang perubahan yang diterima masyarakat Bajau sama ada bajau Pantai Timur mahu pun Barat dalam konteks ekonomi, politik dan sosial seiring dengan kemajuan negara. Beliau juga turut menyentuh sedikit mengenai sejarah sistem kepercayaan atau keagamaan masyarakat Bajau dalam konteks sosial dari awal sehingga kedatangan Islam.

Lain daripada itu, kajian oleh A B. Takko (2008) dalam tesis Doktor Falsafahnya yang berjudul “Agama To-Lotang di Tanah Bugis: Kajian Sistem Kepercayaan, Ritual dan

Ajarannya". Kajian ini mengandungi 6 bab dan pada bab 4 ada memerihalkan ritual agama To-Lotang dari aspek upacara kematian yang dikenali sebagai "*Mappenre Inanre Amateng*". Sepintas lalu, kajian ini menceritakan proses bagaimana upacara itu dijalankan dari pemakluman adanya penganut To-Lotang yang meninggal dunia kepada Dewata Seuwae iaitu orang yang berpengaruh agama agar mendapatkan doa darinya serta ke ritual memandikan, dikafarkan sehingga dikebumikan. Ini menerang bahawa setiap pegangan agama mempunyai sistem kepercayaan, ritual dan ajarannya tersendiri.

Buku yang bertajuk *Bajau Pantai Timur* (2012), Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman dan Ramzah Dambul (pngr.). Kajian ini membincangkan keseluruhan budaya iaitu corak hidup masyarakat Bajau yang merangkumi identiti etnik ini, warisan budaya mereka yang tidak ketara dan ketara, kegiatan ekonomi, pendidikan dan sosiobudaya. Pada bab mengenali identiti ini sepintas lalu ada dibicarakan mengenai kepercayaan dan amalan-amalan masyarakat Bajau dalam ritual kematian. Gambaran ini meliputi pengurusan jenazah sebelum, semasa dan selepas pengebumian secara umum.

3. Objektif Kajian

Kajian ini untuk mengenal pasti mengenai adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini berorientasikan pendekatan etnografi iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Peringkat awal kajian, kajian perpustakaan dilakukan untuk memperolehi maklumat untuk gambaran awal mengenai kajian ini. Kajian ini sebagai sokongan maklumat kepada data-data yang diperolehi daripada kajian lapangan nanti. Kajian perpustakaan iaitu memperolehi data-data primer kajian berdasarkan bahan-bahan bertulis dari penyelidikan di perpustakaan (*Library Research*). Ianya merangkumi pelbagai bahan akademik di pelbagai perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, Selangor, Perpustakaan Cawangan Negeri Sabah di Kota Kinabalu, Sabah. Bahan-bahan akademik itu berbentuk buku-buku, jurnal-jurnal, majalah, makalah dan tesis tentang pelbagai ilmu dan maklumat yang diperlukan oleh kajian ini.

Bagi kajian lapangan iaitu pemerhatian dan ikut serta pula dijalankan secara berperingkat-peringkat dan memakan masa berbulan-bulan. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang menjadi kekangan kepada penulis untuk turun padang secara berterusan, misalnya tempoh atau ruang masa penyelidikan yang terhad memandangkan penulis juga berkesempatan untuk melakukannya semasa cuti semester bagi siswazah dan masalah kewangan. Melalui kajian luar terdapat beberapa teknik asas yang membantu penulis untuk memahami fenomena sosial yang hendak dikaji. Pemerhatian dan ikut serta dianggap penting kerana penulis bukan sahaja mengambil bahagian secara langsung dalam aktiviti masyarakat yang dikaji, ia juga membantu dalam hubungan dua hala antara penulis dengan komuniti yang disasarkan. Keadaan ini membolehkan dalam usaha penulis memahami serta mempelajari ritual ini secara lebih efektif.

Temubual dilakukan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder masyarakat yang dikaji. Temubual dijalankan secara tidak formal, agar memudahkan kefahaman penulis dan kebebasan informan dalam memberikan pandangan. Menurut Cheu Hock Tong (1991: 50), pengkaji menggunakan teknik ini sebagai melengkapi pengetahuan yang diperolehi menerusi pemerhatian ikut sertanya. Temubual telah dijalankan terhadap tiga orang informan

iaitu Imam Aukasa bin Hasan, 55 tahun, Imam Jana bin Kardin, 40 tahun dan Ustaz Nordin bin Hassan, 41 tahun. Temubual dilakukan bagi memenuhi tuntutan kajian ini untuk mendapatkan data primer secara lisan mahupun bertulis.

Sepanjang perbualan dijalankan pita rakaman dilakukan serentak tujuannya agar penulis boleh menganalisa dan diklasifikasikan kemudiannya. Buku nota pula berperanan sebagai pelengkap kepada teknik rakaman. Beberapa perkara penting yang perlu dijadikan garis panduan akan ditulis dalam nota agar penulis sentiasa mempunyai bahan rujukan tambahan sekiranya video rakaman hilang dan sebagainya.

5. Pendekatan Konsep

Kajian ini melihat kepada adat resam dalam sesuatu komuniti masyarakat yang berpegang kepadanya. Dalam ruang lingkup yang luas, adat resam juga tergolong sebagai aspek kebudayaan. Maka daripada itu, kebudayaan ini perlu diteliti berlandaskan konsep darinya. Bagi mengukuhkan hujahan dan analisis kajian, penulis perlu mengambil kira pandangan, penjelasan dan hujah-hujah daripada pengamatan para sarjana yang mendokong serta menelaah skop kebudayaan dengan lebih jelas. Pandangan ini penting bagi menguatkan lagi fakta yang diberikan penulis berlandaskan konsep dan teori yang mereka perkatakan. Dengan itu, penulis mampu menerangkan, mentafsir dan mengamatinya bagi membuktikan kebenaran andaian-andaian tersebut.

Konsep adalah gagasan pemikiran sarjana-sarjana yang lebih arif serta berhubung kait dengan sesuatu teori yang telah dibuat. Pada permulaannya, ianya hanyalah sebagai gambaran pandangan awal yang dirangka sehingga terbentuk menjadi teori dan teori berkenaan telah melalui pelbagai fasa-fasa ujian bagi membuktikan kesahihannya. Konsep kebudayaan dalam kajian ini dengan tajuk “Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau” dapat memperjelaskan lagi hal-hal yang berkaitan ritual kematian masyarakat Bajau dari segi konsep adat dan kepercayaan yang mereka amalkan.

Konsep Adat

Adat merupakan ketetapan kelakuan bagi sesuatu kelompok komuniti masyarakat. Setiap masyarakat sudah pasti mempunyai tatacara⁶, gaya hidup, pemikiran yang mempengaruhi nilai-nilai etika komuniti mereka. Adat dalam masyarakat Bajau sangat penting sebagai cerminan jati diri dan budaya mereka. Adat mereka begitu meluas bukan hanya terdapat dalam ritual kematian bahkan ada diperlakukan dalam adat perkahwinan, bercukur dan sebagainya.

Menurut Nordin Selat (1976) dalam masyarakat Adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia: “Hidup dikandung adat; mati dikandung tanah.” Yang menjadi tujuan adat ialah kebaikan – “Adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk”. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat – “Adat sentosa di dalam negeri.”⁷ Menurut pandangan seorang ahli antropologi iaitu Malinowski (1926), konsep adat adalah berbagai-bagai. Adat ialah satu ragam tingkah laku yang secara tradisinya telah

⁶ Menurut Zainal Abidin Borhan dalam “*Adat Istiadat Melayu, Melaka*”, Institusi kajian Sejarah Patriolisme Malaysia, kerajaan Negeri Melaka, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996. Hlm 3 menyatakan bahawa “tatacara yang telah dipraktikkan dalam masyarakat akan membentuk dan melahirkan kesatuan asasi budaya dalam sesebuah masyarakat”.

⁷ Nordin Selat, “*Sistem Sosial Adat Perpatih*”, Utusan Publicatiaons and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1976. Hlm 3.

diselaraskan ke atas anggota sesuatu komuniti.⁸ Jika diamati ritual kematian masyarakat Bajau, adat yang dijalankan ada gambaran nilai-nilai murni di dalamnya. Misalnya dalam adat *Magjaga-jaga* yang menggalakkan amalan saling bergotong-royong, saling membantu antara satu sama yang lain dan membacakan al-Quran sebagai sedekah amal jariah kepada si mati. Namun adat juga boleh membawa bahana atau keburukan sekiranya amalan berkenaan terlalu dipercayai sehingga boleh menyebabkan syirik ke atas Allah S.W.T.

Selain itu, menurut Sapir (1931), adat digunakan untuk keseluruhan pola tingkah laku yang telah dibentuk oleh tradisi dan tersemat di dalam jiwa raga sesuatu masyarakat sebelum sesuatu tingkah laku itu menjadi adat dan tradisi. Tingkah laku tersebut mestilah diperakui, diamalkan seterusnya diperturunkan kepada generasi-generasi yang berikutnya.⁹

Antara lainnya iaitu Abdullah Siddik (1971) menyatakan bahawa adat atau adat istiadat meliputi aspek cara hidup anggota-anggota masyarakat. Pengertian adat begitu meluas dan meliputi aspek hukum dan falsafah. Menurut beliau, dasar hukum adalah hukum yang tidak bertulis dan ia merupakan pernyataan rasa keadilan yang hidup di sanubari rakyat sendiri. Keinsafan keadilan inilah yang membawa tiap-tiap anggota masyarakat taat kepada adat kerana alangkah aib dan malunya jika ia tidak mematuhi adat.¹⁰

Apabila memperkatakan tentang kematian dalam masyarakat Bajau ianya memperlihatkan bagaimana sistem kelas atau asal usul keturunan itu mempengaruhi cara pengurusan jenazah oleh pengamalnya. Ciri-ciri adat sudah menunjukkan satu sistem peraturan yang sudah pasti berpaksikan kepada kepercayaan dan pantang larang mereka. Adat dianggap begitu tinggi dan tidak boleh diendahkan kerana tindakan itu akan mendatangkan malu dan boleh dijatuhkan hukuman ke atas si pelaku.

Konsep Tradisi

Tradisi adalah amalan yang diperturunkan oleh legasi nenek moyang kepada generasi yang lainnya sehingga ianya masih diamalkan sehingga sekarang. Dalam konteks kematian masyarakat Bajau, ritual kematian dianggap sebagai tradisi kerana sehingga hari ini amalan berkenaan dipraktikkan dalam upacara tersebut. Dengan erti kata yang mudah, adat adalah amalan tradisi yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi lainnya. Ianya diamalkan sebagai panduan hidup masyarakat tertentu yang dilihat sebagai *worldview* mereka terhadap kejadian hidup dan mati di bumi ciptaan Illahi.

Konsep tradisi sangat berkait rapat dengan kepercayaan, nilai dan mentaliti masyarakat berkenaan. Setiap etnik sudah tentu mempunyai tradisinya tersendiri sama ada merangkumi baik-baik sosiobudaya, politik dan ekonomi. Misalnya, masyarakat Bajau itu sendiri yang mengamalkan pengambilan makanan tradisi nenek moyang mereka dalam rutin harian. Tanpa pengambilan darinya, masyarakat Bajau akan merasakan serba kekurangan kerana ianya sudah sebatи dengan lidah dan mulut etnik ini. Misalnya makanan yang paling terkenal dalam etnik Bajau iaitu sagol atau sinagol,¹¹ Tompek dan putu.¹² Oleh itu, dapat

⁸ Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989. Hlm. 15.

⁹ Ibid, Hlm. 16.

¹⁰ Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971. Hlm. 13.

¹¹Sagol/Senagol bermaksud mencampuradukkan. Makanan ini selalu dimakan bersama keluarga ketika berkumpul menyambut perayaan. Secara khusus ia merujuk kepada sejenis masakan tradisional yang menggunakan isi ikan (biasanya ikan pari, ikan yu dan ikan buntal, secara umumnya ikan yang mempunyai hati yang besar) yang dicincang-cincang dan dimasak bersama kunyit. Untuk menyediakan sagol, ikan yu, pari atau buntal dicelur dahulu bagi membersihkan ‘langnges’ iaitu lapisan kasar pada kulit yu dan pari, atau ‘iting’ iaitu

dikatakan secara rumusnya bahawa tradisi tidak asing lagi bagi etnik Bajau, kerana berbekalkan tradisi inilah yang menjadi identiti dan gambaran jati diri mereka.

Konsep Kematian

Kematian adalah suatu kepastian. Tiap-tiap yang hidup akan menemui kematian namun tidak diketahui masa, tempoh dan tempatnya. Kematian dianggap sebagai perjalanan hidup yang baru kerana lahirnya kepercayaan didalamnya. Misalnya, bagi masyarakat Bajau yang berpegang kepada ajaran Islam. Islam telah menjanjikan bahawa setiap perbuatan itu akan menerima imbalannya baik yang baik mahupun tidak. Kehidupan di alam kematian itu dikenali sebagai alam barzakh. Pada peringkat ini manusia akan disoal setiap kebaikan dan amalannya sepanjang riwayat hidupnya.

Menurut Yap Beng Liang, masyarakat Bajau percaya bahawa cara perlaksanaan pengebumian yang betul akan mempengaruhi imbalan yang diterima oleh si mati di alam lainnya iaitu di akhirat. Maka daripada itu, si mati harus dikebumikan dengan baik, iaitu selaras dengan keperluan adat dan agama. Tanggungjawab untuk menguruskan hal-ehwal si mati terserah kepada keluarga dan kaum kerabat terdekatnya. Kebaikan yang dilakukan oleh mereka untuk si mati akan diterima oleh si mati di akhirat.¹³ Bertitik tolak dengan kepercayaan inilah, maka orang Bajau sangat teliti dalam perlaksanaan ritual kematian dari awal sehingga akhir. Mereka bertanggapan si mati akan menerima kesenangan di alam lainnya dan itulah merupakan amal jariah terakhir mereka buat si mati.

Konsep Kepercayaan

Menurut Taib Osman, kepercayaan adalah ideologi atau premise kepercayaan itu dizahirkan menerusi bahasa, sama ada dengan cara tertulis ataupun dengan cara lisan. Dalam masyarakat yang tidak mempunyai tulisan, premise kepercayaannya dinyatakan melalui cerita-cerita tentang tuhan-tuhan, asal usul kejadian manusia dan dunia, asal usul dan cara melakukan upacara-upcara dengan ungkapan-ungkapan dan ayat-ayat yang menghubungkan mereka yang menyembah dengan yang disembah, atau seruan yang mempunyai kuasa magis. Cerita-cerita itu dikenali sebagai mitos dan kumpulan cerita-cerita itu merupakan pernyataan tentang sistem kepercayaan sesebuah masyarakat yang dipanggil mitologi.¹⁴

Asmad dalam penulisannya menyatakan bahawa bangsa-bangsa di Asia masih percaya malah amat menghormati kepercayaan-kepercayaan lama dalam kehidupan mereka. Adalah jelas sebagaimana dengan kebudayaan-kebudayaan lain iaitu kepercayaan-kepercayaan lama orang Melayu adalah berasaskan fahaman animism. Animisme adalah kepercayaan kepada semangat dan benda-benda ghaib atau halus yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Dalam bahasa Melayu terdapat ungkapan-ungkapan yang menyebut: *Orang halus, kuasa ghaib, semangat* dan lain-lain lagi.¹⁵

'duri' pada ikan buntal. Mencelur (masak separuh masak) ini juga dilakukan untuk memudahkan isi ikan dihancurkan dan dicampur dengan kunyit yang telah dipipis.

¹² Makanan tradisional ini adalah berasaskan ubi kayu yang diparut dan diperah airnya lalu dikukus atau masak stim. Lazimnya masyarakat Bajau menjadikan putu sebagai makanan ruji menggantikan nasi. Putu dan tompek sesuai dimakan bersama sagol, kima, tayum, tehek-tehek dan juga ikan bakar.

¹³ Yap Beng Liang. 1993. *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-aspek Budaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

¹⁴ Mohd Taib Osman, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1983. Hlm 123.

¹⁵ Asmad, *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*, Associated Educational Distributors (M). 1990. Hlm. 100.

Hakikatnya, kepercayaan itu lahir dan terbentuk menerusi sikap masyarakat yang menjadi penganut itu sendiri apabila berpegang teguh dan taat pada amalan yang telah dipraktikkan sekian lama. Amalan ini sudah sebatи dalam kehidupan mereka, lalu dijadikan sebagai panduan dan hukum serta kepercayaan. Keadaan ini terjadi apabila manusia mencapai satu tahap untuk menerokai mengenai hidup dan kematian di bumi Allah. Maka daripada itu, masyarakat Bajau sendiri percaya bahawa agama Islam adalah agama pegangan mereka namun adat dan kepercayaan lainnya dimiliki oleh setiap etnik lainnya. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa kepercayaan yang melampau-lampau itu juga boleh mengundang syirik kerana bercanggahan dengan ajaran Islam.

6. Dapatan Dan Perbincangan

Kawasan kajian ini ditumpukan kepada komuniti Bajau Pantai Timur di Sabah, khususnya di daerah Kunak yang majoritinya menetap di Kampung Pangkalan Air seiring dengan beberapa faktor tertentu. Misalnya, atas faktor bentuk muka bumi dan fizikal laut yang dekat dengan mereka dan dijadikan sebagai sumber pendapatan sebagai nelayan serta sistem perhubungan ke negara jiran seperti Filipina dan Indonesia. Hal ini disebabkan, selain masyarakat Bajau, etnik Bugis juga merupakan salah satu penduduk terbesar di kampung ini. Maka daripada itu laut dijadikan sebagai penghubung keluar masuk ke negara jiran. Namun, suku kaum Bajau dianggap majoriti kerana lebih meluas jumlahnya. Masyarakat Bajau yang menetap di Kampung Pangkalan Air boleh dikatakan terbahagi kepada dua kelompok iaitu Bajau asli yang merupakan penduduk bumiputra Sabah dan Bajau dari negara jiran seperti Filipina yang berhijrah ke Sabah.

Penghijrahan itu berlaku disebabkan faktor-faktor tolakan di negara berkenaan seperti peperangan dan desakan hidup. Contohnya, Bajau yang berasal daripada Mindanao berhijrah ke Kunak lalu mendirikan penempatan di Kampung Pangkalan Air untuk memulakan hidup baru. Penempatan penduduk di Kampung Pangkalan Air dianggap sebagai haram kerana tidak memiliki sebarang hak ke atas tanah laut berkenaan. Masyarakat Bajau di Kampung Pangkalan Air mempunyai latar belakang nenek moyang dan salasilah keluarga dari seberang Filipina yang kuat. Sehinggakan beberapa amalan dan kepercayaan mereka termasuklah dalam ritual kematian masih lagi diamalkan, meski pun segelintir darinya telah berpaling kepada ajaran agama Islam yang benar.

Masyarakat Bajau di Kampung Pangkalan Air mendirikan penempatan di atas permukaan laut. Laut atau pinggir pantai sudah sinonim dengan masyarakat Bajau khususnya yang berasal dari seberang Filipina. Mereka memilih laut sebagai kawasan penempatan disebabkan fungsi dan keselesaannya terhadap iklim, cuaca dan keadaan berkenaan. Dalam sejarah juga dapat dibuktikan bahawa kedudukan Sabah yang strategik dikatakan sebagai salah satu faktor geografi yang mendorong kemasukan pendatang haram ke negeri ini sejak dahulu lagi. Pernyataan ini turut dikemukakan oleh beberapa orang penulis yang telah menjalankan kajian mengenai suku kaum Bajau:

Sabah mempunyai persisiran pantai sepanjang 250 batu dan jaraknya yang dekat dengan perairan Filipina membentarkan penghijrah berulang-alik di antara sempadan Filipina-Malaysia.

(Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul (pngr.), 2012: 11)

Masyarakat Bajau di Kampung Pangkalan Air terdiri daripada kepelbagai keturunan. Perbezaan keturunan ini secara tidak langsung merupakan penentu kepada ritual kematian yang akan mereka terima apabila menghadapi kematian. Golongan yang menetap di Kampung Pangkalan Air ini dapat diklasifikasikan kepada empat keturunan utama.

Kelompok keturunan ini terdiri daripada golongan *kedatuan*, *warisan datu*, *syeikh* dan *orang biasa*.¹⁶

Keturunan *kedatuan*¹⁷ merupakan kelompok atau kelas keturunan yang dianggap tertinggi bagi masyarakat Bajau. Mereka dijadikan pemimpin kepada golongan bawahan dan berkuasa dalam pentadbiran sesuatu kawasan dalam etnik ini. Merujuk kepada istilah ‘*kedatuan*’, perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata terbitan *datuk* yang membawa makna gelaran bagi golongan atasan, berpangkat dan berkuasa.¹⁸ Menurut salasilah keturunan etnik ini, golongan *kedatuan* adalah individu yang memiliki harta dan ilmu pada suatu ketika dahulu. Ilmu pula merangkumi ilmu pendidikan serta ilmu dalaman seperti ilmu mempertahankan diri. Golongan ini dalam masyarakat Bajau mempunyai kedudukan tertinggi berbanding keturunan bawahannya atau biasa.¹⁹

Oleh yang demikian, keturunan ini mendapat penghormatan dalam kalangan masyarakat Bajau kerana mereka dianggap sebagai kelompok yang istimewa dan berkuasa. Hal ini demikian kerana dikatakan bahawa keturunan *kedatuan* merupakan golongan bangsawan yang berpegang teguh kepada adat. Mereka berpandangan bahawa adat mampu membezakan keturunan masyarakat mereka dengan etnik yang lainnya. Selain sebagai perbezaan, adat dijadikan sebagai tulang belakang mengenai asal usul serta sejarah keturunan *kedatuan* ini.

Dalam aspek kematian, proses pelaksanaan adat ini dapat dilihat secara jelas pada bilangan tingkat payung akan akan berarak dan dipacakkan pada perkuburan si mati. Simbol ini sudah cukup kuat untuk difahami oleh masyarakat Bajau bahawa individu yang telah meninggal dunia itu adalah daripada golongan *kedatuan*. Sungguh pun keturunan ini dikatakan mempunyai sejarah latar belakang yang berpangkat tinggi dan hebat, namun perubahan zaman telah memisahkan mereka dengan peranan ini. Tetapi dari konteks adat ia masih dikekalkan dan diperlakukan sehingga ke hari ini.

Masyarakat Bajau di Kampung Pangkalan Air juga asalnya mempunyai keturunan *Warisan Datu*.²⁰ Keturunan ini berada di lapisan kedua selepas keturunan *Kedatuan*. Keturunan ini juga dianggap istimewa dalam ruang lingkup masyarakat Bajau kerana memiliki harta dan berilmu namun ianya tidaklah setanding dengan kehebatan keturunan *Kedatuan* yang jauh lebih hebat. *Warisan Datu* asalnya merupakan keturunan *Kedatuan*. Disebabkan faktor perkahwinan, maka keturunan ini akan diberikan gelaran dan taraf sebagai *Warisan Datu*. Situasi perkahwinan di sini merujuk kepada anak perempuan keturunan *Kedatuan* yang mengahwini lelaki daripada keturunan bawahan atau lainnya.

Warisan Datu dikatakan mempunyai ukhwah yang sangat baik dengan golongan biasa. Maka daripada itu, tidak hairanlah kebanyakan daripada mereka mengamalkan corak hidup yang lebih bersederhana. Percampuran keturunan ini dengan golongan biasa menyebabkan sebilangan besar daripada mereka telah melakukan perubahan dalam upacara kematian. Misalnya, ritual *magjaga-jaga* yang diamalkan oleh golongan atasan atau *Kedatuan* kerana mengikut jejak golongan biasa dengan mengamalkan adat yang tidak membebangkan rakyatnya atau di luar kemampuan mereka.

¹⁶ Imam Aukasa. Temubual, 20 Disember 2016. Kg. Sungai Atas, Kunak.

¹⁷ Istilah ‘*Kedatuan*’ adalah gelaran bagi keturunan *Datuk*. Keturunan ini merupakan keturunan yang mempunyai pangkat dan harta yang dianggap sebagai Tuan Tanah.

¹⁸ Izmanira Ismail, Hlm 79.

¹⁹ Keturunan yang tidak mempunyai harta, pangkat dan ilmu yang tinggi dalam masyarakat Bajau serta berada di lapisan bawah dalam hierarki susun lapisan etnik ini.

²⁰ *Warisan Datu* merupakan pewaris-pewaris keturunan yang lahir dari darah *datuk* atau *Kedatuan*. Taraf kedudukan mereka terletak di bawah keturunan *kedatuan*.

Keturunan *Syeikh* merupakan antara salah satu keturunan yang terdapat dalam masyarakat Bajau akibat dengan bilangannya yang sangat sedikit. Keturunan ini dikatakan berasal daripada keturunan Arab dan para alim ulama yang berhijrah ke Sabah untuk menyebarkan agama Islam kepada komuniti masyarakat Bajau pada masa dahulu. Golongan inilah yang membawa pengenalan Islam kepada masyarakat Bajau.

Pada peringkat awalnya, keturunan *Syeikh* ke Sabah dianggap sebagai tindakan serampang dua mata dengan melakukan dua pekerjaan dalam satu masa yang sama iaitu menyebarkan Islam dan berdagang. Bahkan, mereka telah menetap di Sabah dan mengahwini masyarakat Bajau yang akhirnya melahirkan generasi keturun seumpama mereka iaitu *Syeikh*. Dalam ritual kematian, keturunan ini telah membawa bersama-sama adat dan amalan mereka iaitu terdapat payung sebagai tanda di perkuburan si mati pada bahagian kepala dan kaki kubur. Bagi keturunan *Syeikh* warna payung kematian mereka berbeza iaitu warna hijau tua. Jika si mati merupakan keturunan campuran iaitu *Syeikh* dan *Kedatuan*, *Warisan Datu* dan *orang biasa*, maka payung kematianya akan terdiri daripada dua warna iaitu hijau tua dan putih.

Golongan *Syeikh* dalam kelas sosial sangat disanjung dan dimuliakan akibat peranan mereka yang menjurus kepada keagamaan. Pada masa dahulu, golongan seringkali dijadikan rujukan tentang hal ehwal agama Islam. Hal ini kerana, keturunan *Syeikh* sangat berpegang teguh kepada ajaran agama dan tidak terlalu ekstrem dengan membatasi adat dalam amalan kehidupan. Golongan ini hanya mengamalkan adat yang tidak menyalahi hukum agama. Namun, golongan ini tidak menghalang sama sekali adat-adat yang dilakukan dalam ritual kematian masyarakat Bajau kerana iaanya melibatkan kemampuan seseorang individu dan niatnya. Terbukti, apabila sehingga hari ini masih ada segelintir masyarakat yang berkemampuan dan mengamalkan ritual adat kematian mereka.

Di Kampung Pangkalan Air, terdapat juga kelompok masyarakat etniknya yang dikelaskan sebagai golongan biasa.²¹ Keturunan ini mendominasi atau lebih ramai ditemui di Kampung Pangkalan Air berbanding keturunan lainnya. Keturunan ini majoritinya bekerja sebagai nelayan, bekerja dengan tuan tanah dan pertukangan.

Orang biasa dirujuk sebagai keturunan yang tidak memiliki harta, ilmu dan pangkat dalam kelas sosial masyarakat Bajau pada masa dahulu. Mereka hanya merupakan masyarakat biasa yang tidak mempunyai pengaruh serta kedudukan tinggi. Justeru itu, dalam susun lapis masyarakat Bajau, keturunan ini berada di kedudukan paling bawah. Begitu juga dalam proses perlaksanaan adat. Namun demikian, hari ini setiap masyarakat daripada etnik Bajau mempunyai taraf yang sama. Tetapi dari konteks adat, setiap daripada kelompok mereka mempunyai cara pelaksanaannya tersendiri, begitu juga dalam soal kematian. Jika berlaku kematian, perlaksanaan bagi golongan ini dilihat berdasarkan asal usul keturunan si mati. Sekiranya si mati asalnya merupakan keturunan *Kedatuan* dan turun taraf kepada golongan biasa, maka cara perlaksanaannya perlu merujuk kembali asal usul keturunannya.

Secara kesimpulannya dapat ditafsirkan bahawa budaya dan cara hidup masyarakat Bajau di Kampung Pangkalan yang tergambar dalam ritual kematian hakikatnya bertitik tolak daripada sejarah salasilah, keturunan dan latar belakang mereka yang masih berpegang kepada ajaran nenek moyang di negara asal iaitu Filipina dan Indonesia. Lain daripada itu, faktor pendidikan juga dilihat sebagai salah satu faktor pengekalan terhadap budaya dan kepercayaan yang menjadi identiti serta prinsip hidup suku kaum ini. Akhir sekali, jelaslah bahawa faktor alam sekitar atau bentuk fizikal penempatan penduduk itu sendiri melambangkan tahap kemunduran dari segi kemajuan pendidikan dan infrastruktur sekaligus membantut perkembangan minda atau mentaliti masyarakatnya. Ini membuktikan bahawa

²¹ Istilah yang digunakan bagi keturunan yang tidak berharta dan berpangkat.

berlakunya pelaksanaan adat dalam sistem pengurusan jenazah atau kematian mengikut kelas keturunan masyarakat Bajau.

Ritual kematian bagi masyarakat Bajau Kampung Pangkalan, Kunak Sabah berbeza mengikut tingkat kedudukan atau kelas keturunan mereka. Jika dilihat ianya seakan-akan menyerupai sistem feudal yang mempunyai dua lapisan masyarakat yang terdiri daripada pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah merupakan orang yang menjadi raja atau memegang tumpuk pemerintahan. Di bawah pemerintah adanya pembesar dan golongan bangsawan sementara golongan diperintah pula ialah rakyat dan hamba.

Ritual kematian masyarakat Bajau dapat dikaji dan diterokai menerusi tiga tahap iaitu sebelum, semasa dan upacara pengebumian. Ketiga-tiga peringkat ini dijalankan satu persatu dengan teliti dengan mengambil kira kesesuaianya mengikut adat dan kepercayaan etnik ini sendiri. Mereka juga percaya, perlaksanaan kematian dengan betul dan baik, akan mendatangkan kebaikan kepada si mati di alam barzakh. Maka daripada itu, kajian ini akan meneliti adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat bajau yang merangkumi aspek-aspek sebelum, semasa dan selepas pengebumian itu dijalankan.

Adat dalam masyarakat Bajau adalah cara hidup dan sistem nilai yang dijadikan amalan yang menjadi simbol atau cerminan kepada mereka. Berikut adalah antara adat-adat ritual kematian masyarakat Bajau pada peringkat sebelum, semasa dan selepas upacara pengebumian:

Adat Balu-balu

Adat Balu-balu²² merupakan proses pertama dalam tradisi kematian masyarakat Bajau. Kebiasaannya, bunyi-bunyian akan dipalu misalnya seperti kulintangan, gong dan bebandil untuk menjadi perantara komunikasi atau pemberitahuan kepada masyarakat kampung tersebut. Oleh itu, apabila balu-balu dibunyikan maka ianya adalah satu petanda kematian khususnya bagi suku kaum Bajau itu sendiri. Penduduk yang mendengar bunyi berkenaan sudah memahami bahawa berlaku kematian yang melibatkan individu yang berbangsa Bajau di kampung tersebut. Masyarakat Bajau sangat menghormati kematian dan mempunyai adatnya tersendiri. Setiap pelaksanaan adalah berlandaskan adat, kepercayaan dan pegangan nenek moyang yang dianggap harus dikekalkan. Beliau mengulas bahawa balu-balu sememangkan penting dan sebagai simbol identiti orang Bajau bukan sahaja yang terdahulu bahkan masih diutamakan dalam konteks untuk masyarakat sekitar dan keluarga si mati.²³

Proses Usungan

Proses kedua dikenali sebagai proses atau adat usungan. Usung membawa maksud cara atau kaedah membawa jenazah ke tapak perkuburan sementara usungan pula adalah benda atau alat yang digunakan untuk mengangkat dan mengusung jenazah tersebut. Adat dan proses usungan ini hanya diamalkan oleh segelintir masyarakat Bajau di kampung berkenaan.²⁴ Apabila jenazah selesai dimandi dan dikafarkan, maka jenazah akan dimasukkan ke dalam keranda. Seterusnya, keranda jenazah itu akan dimasukkan ke dalam usungan yang telah disediakan. Dua lelaki berbangsa Bajau akan mengambil bahagian di depan dan belakang untuk bersama-sama mengusung jenazah secara bergilir-gilir sambil membaca selawat ke atas

²² Balu-balu berfungsi sebagai salah satu cara atau kaedah untuk pemberitahuan tentang adanya kematian bagi masyarakat Bajau.

²³ Imam Aukasa bin Hasan. Temubual. 20 Disember 2016. Kg. Sungai Atas, Kunak.

²⁴ Ibid.

Nabi Muhammad S.A.W. sehingga sampai ke destinasi yang dituju iaitu tapak perkuburan. Namun ianya merupakan adat yang diperaktikkan oleh segelintir pengamal tegar sahaja kerana hari ini masyarakat Bajau khususnya telah mengambil contoh yang lebih moden dan memudahkan. Misalnya, mengusung jenazah menggunakan kenderaan untuk dimasukkan di belakang kenderaan seperti lori kecil itu.

Pada masa dahulu, Usungan berbeza mengikut kelas, bagi golongan biasa mereka hanya dibenarkan *sangkap-sangkap*²⁵ yang diperbuat daripada buluh dan tajam dihadapan seolah-olah menyerupai sebuah perahu. Keadaan ini sudah cukup jelas mempunyai hubungkait dengan sejarah asal usul masyarakat Bajau yang terkenal sebagai pelaut. Berbeza dengan hari ini, *sangkap-sangkap* sekarang diperbuat daripada besi atau tembaga. Kedua-dua belah tepi usungan akan dipasangkan kain sempangan, dihujung penjuru tajam perahu pula dipacakkkan *sambulayang*²⁶ yang menjadi lambang jati diri orang Bajau dalam semua upacara. Hal ini kerana, sambulang digunakan bukan sahaja dalam ritual kematian, bahkan meliputi upacara perkahwinan, keramaian dan sebagainya.

Payung Kematian

Payung kematian berfungsi sebagai lambang atau simbolik kematian dalam ritual kematian masyarakat Bajau Kampung Pangkalan, Kunak Sabah. Jenis payung, bilangan dan warna berbeza mengikut keturunan dan taraf. Bagi keturunan raja atau Rasul mempunyai 11 tingkat bendera, 7, 5 dan 3. Mereka terdiri daripada keturunan Syariff atau Dato'. Payung kematian ini adalah berbentuk segi tiga. Terdiri daripada warna kuning, merah jambu, hijau dan lain-lain. Rumah-rumah kecil juga dibuat sebagai lambang darjah si mati. Kebiasaan bagi orang kebanyakan mereka hanya akan dibuatkan 1 atau 3 saja bendera sebagai lambang kematian mereka. Bilangannya pula mestilah berjumlah dalam nombor ganjil. Bendera ini dibawa semasa perarakan.

Magjaga-jaga

Magjaga-jaga merupakan adat tradisi kematian masyarakat Bajau di Kampung Pangkalan Kunak. Adat ini dijalankan selepas ritual pengebumian mayat. Tujuan mayat dijaga adalah untuk mengelakkan sebarang bencana yang tidak diingini. Selain itu, tujuan lainnya adalah untuk memberi sedekah kepada si mati dengan bacaan al-Quran di tanah perkuburan mengikut tempoh masa yang ditentukan oleh keluarga si mati. Kebiasaan ia mengambil tempoh empat atau tujuh hari. Adat ini bertitik tolak daripada kepercayaan masyarakat ini terhadap kankang laut yang dikatakan memakan mayat yang baru ditanam.

Bakai-bakaian

Bakai-bakaian adalah tempat tidur yang disediakan buat si mati. *Rihanah* (Tikar) merupakan tempat baringan atau istirehat si mati. Di atas rihanah itu akan diletakkan sepasang tilam, cadar dan bantal di atasnya. Masyarakat Bajau percaya bahawa roh si mati akan pulang selama tujuh hari. Bakai-bakaian bersama-sama dihidangkan makan minum yang dipercayai akan dimakan atau diminum oleh si mati ketika pulang ke rumah. Masih dijadikan amalan

²⁵ Sangkap-sangkap adalah pertuturan bahasa Bajau yang membawa maksud keranda orang Islam dalam bahasa Melayu.

²⁶ Sambulang merupakan panji simbol bagi upacara tertentu etnik Bajau yang boleh terdiri daripada upacara kematian, perkahwinan dan sebagainya.

kerana masyarakat menganggap ini keperluan dan kepercayaan untuk menjaga kebajikan si mati. Hidangan makanan itu sebenarnya menurut Imam Aukasa akan diberikan kepada barisan Jemaah yang hadir membacakan tahlil dan lain-lain. Nikmat yang dimakan oleh para penerima dikatakan rahmat kepada si mati.

Pelaksanaan Kenduri

Kenduri yang paling besar dan istimewa dan dihadiri oleh ramai orang. Kenduri terdiri daripada kenduri tiga, tujuh, dua puluh, empat puluh dan ke seratus. Hidangan makanan tradisional masih diamalkan. Antaranya yang paling terkenal iaitu kuih penjaram. Kenduri ini dianggap penting bagi masyarakat Bajau sebagai penghargaan dan jasa terakhir yang dapat dilakukan buat si mati.

6.1 Eleman Kepercayaan

Kepercayaan dalam etnik Bajau lahir bersama-sama atau seiring dengan adat mereka. Ianya sedikit sebanyak menyamai konsep tulah, yang mana bagi yang menolak kepercayaan ini atau mempraktikkannya dianggap sebagai terkena tulah kerana ingkar dan enggan mempercayai tinggalan nenek moyang mereka. Sementara bagi yang taat pula dianggap hidup dengan penuh rahmat dan keberkatan.

Perasapan

Perasapan adalah salah satu adat yang menjadi kebiasaan dalam upacara kematian masyarakat Bajau. Perasapan dihasilkan dengan menggunakan kemenyan. Wangi darinya dianggap sebagai rahmat. Ia juga dianggap sebagai simbolik kepada sesuatu upacara sama ada kematian mahupun kenduri kesyukuran dan sebagainya. Dalam upacara tertentu kemenyan masih digunakan sehingga ke hari ini. Pengalaman imam sendiri yang berada di Lahad Datu namun seolah-olah dapat menghidu bau kemenyan daripada pihak keluarga di Kunak yang pada waktu itu sedang melakukan kenduri keselamatan bagi imam agar terhindar daripada sebarang musibah atau musibah. Kerana itu, bau daripada kemenyan dianggap sebagai rahmat dan naluri beliau dapat mengesan dan membuktikan perkara ini. Namun segelintir masyarakat hari ini sudah tidak mengamalkannya kerana dianggap bercanggah dengan dalil Islam yang betul. Perasapan dari bau atau asap kemenyan juga digunakan dalam mengiringi dan perarakan bersama jenazah.²⁷

Perarakan di bawah keranda akan dilakukan oleh keluarga dan kaum kerabat terdekat si mati. Ianya dijalankan sebelum jenazah diusung ke tempat pengebumian. Sehingga hari ini, amalan dan kepercayaan ini masih diamalkan oleh segelintir masyarakat Bajau. Dipercayai sebagai tanda mengiringi atau penghormatan terakhir kepada si mati sebelum meninggalkan keluarga.²⁸

Tidak Dibenarkan Membasuh Kain & Membakar Ikan

Perbuatan ini dipercayai boleh mengakibatkan si pelaku akan menyusul si mati tidak lama lagi. Dianggap kematian sudah dekat dengannya. Dalam anggaran pada selepas kenduri ketiga

²⁷ Imam Jana bin Kardin. Temubual. 21 December 2016. Kg. Pangkalan, Kunak.

²⁸ Ustaz Nordin bin Hassan. Temubual. 21 December 2016. Kg. Pangkalan, Kunak.

atau ketujuh, si pelaku dikatakan boleh menyusul arwah atau si mati. Oleh itu, perbuatan ini dilarang dan sangat dicegah semasa berlakunya kematian selagi arwah belum selesai dikebumikan secara baik dan sempurna. Berbeza dengan sekarang, kepercayaan ini sudah tidak diamalkan lagi meskipun tidak dapat dinafikan masih ada segelintir darinya yang mempercayai serta masih berpegang teguh terhadapnya.²⁹

Bermakan-makan

Pada zaman dahulu, masyarakat Bajau mengamalkan amalan makan sewenang-wenangnya ketika adanya kematian tanpa mengira tempat, masa dan situasi pada ketika itu. Namun, hari ini tidak perlu adanya upacara bermakan-makan di kediaman keluarga jenazah, sebaliknya dilakukan selepas jenazah telah dikebumikan. Dulu setiap tetamu akan dihidangkan bermacam-macam juadah sebagai tanda menghormati tetamu dan berbuat baik untuk kebaikan si mati di alam baqa iaitu dianggap sedekah. Sekarang tidak lagi meskipun masih ada lagi yang masih mengamalkannya. Hal ini kerana, apabila adanya kematian, seharusnya jiran tetangga yang memasak dan berkongsi bukan keluarga si mati yang perlu menyediakan semua. Tambah beliau lagi, keluarga berkenaan dianggap sedang dalam musibah dan tidak seharusnya disusahkan lagi.³⁰ Kueh atau makanan tradisional seperti panyalam, ubi, epok-epok, dan lain-lain turut dihidangkan pada waktu ini.

Air Tujuh Telaga

Pembawaan nenek moyang. Menurut beliau, pengalamannya sendiri dalam melaksanakan pengurusan jenazah, mereka dikenakan memakai pakaian uniform yang mempunyai tali pinggang warna putih (lambang kepada kematian). Air tujuh telaga digunakan untuk memandikan jenazah. Tujuh orang lelaki akan diarahkan mencari atau menimba air dari telaga yang berbeza-beza mengikut urutan atau tahap sehingga lengkap tujuh jenis air telaga berkenaan. Kepercayaan ini banyak dipengaruhi oleh amalan masyarakat Tausug atau Sulu di Filipina yang diserapkan dalam kebudayaan masyarakat Bajau. Pengalaman ini dibentuk dan diceritakan ketika beliau masih remaja lagi dan membantu mengendalikan urusan pengebumian di Filipina. Air dari tujuh telaga berbeza itu dianggap lain daripada yang lain, tidak sama seperti air biasa yang digunakan sehari-hari. Berbeza dengan hari in, masyarakat bajau sudah melupakan adat dan kepercayaan ini, dengan memandikan jenazah dengan air yang suci dan bersih yang dianggap sudah mencukupi. Ianya memudahkan kerja dan urusan pengebumian dilakukan. Bahan-bahan untuk memandikan jenazah juga sudah tidak sama. Dulu ada lubi (kelapa parut) yang sekarang digantikan dengan syampu dan lain-lain.³¹

Kebebasan untuk Berduka

Masyarakat Bajau dulu diberikan kebebasan untuk menangis meskipun mencederakan diri sendiri. Namun sekarang tidak diamalkan lagi kerana amalan ini bercanggah dengan Sunnah dan hadis Nabi. Menurut beliau, amalan ini perlu diubah bagi menghormati serta merelakan si mati pergi dengan tenang kerana itu meratap atau seumpama dengannya sangat dicegah.³²

²⁹ Imam Jana bin Kardin. Temubual. 21 December 2016. Kg. Pangkalan, Kunak.

³⁰ Ustaz Nordin bin Hassan. Temubual. 21 December 2016. Kg. Pangkalan, Kunak.

³¹ Imam Jana bin Kardin. Temubual. 21 December 2016. Kg. Pangkalan, Kunak.

³² Ibid

Mitos Bubur Labu Merah

Tidak boleh memasak bubur labu merah semasa jenazah masih belum dikebumikan. Kononnya mengikut cerita orang-orang dulu, jenazah pernah bangun lalu menghabiskan seperiuk bubur labu merah dengan lahapnya. Bagi jenazah, masakan bubur labu merah dianggap makanan yang paling sedap dan digemari oleh si mati. Peristiwa ini disaksikan oleh seorang budak yang menunjuk atau menuding jari kepada si mati apabila di soal ibunya mengenai kehabisan bubur berkenaan. Jenazah dilihat sedang memakan bubur labu merah. Semua keluarga terkejut dan ketakutan.³³

Anusi (Mencebok)

Anusi adalah perbuatan membersihkan mayat daripada sebarang najis sama ada ringan mahu pun yang berat. Seorang khatib bertemankan seorang ahli agama sama ada imam mahu pun ustaz akan duduk menyandarkan mayat. Tujuan agar mayat dalam keadaan duduk dan mudah dibersihkan. Selepas proses anusi, disusuli dengan memandikan jenazah atau *pinandi*. Ahli keluarga juga boleh turut memandikan jenazah. Air yang digunakan mestilah air yang telah ditapiskan dengan kain putih, diasap dengan kemenyan dan dibacakan ayat-ayat suci agar terlepas daripada segala kekotoran. Maka daripada itu, orang yang menjalankan pembersihan tersebut akan diberikan sebentuk cincin emas.

6.3 Kepercayaan Semasa Upacara Pengebumian (PAGKUBULAN)

Diding Hali

Diding hali ialah kayu yang diletakkan ke dalam liang lahad dengan kedudukan senget atau condong. Ianya akan ditanam sedikit ke dalam tanah. Berperanan sebagai bantal atau tempat bagi menampung jenazah. Ianya ditanam agar mampu menampung jenazah dan tahan lama. Sekarang diding hali ini telah diratakan dengan permukaan tanah. Kerana dianggap tiada bezanya, manusia berasal daripada tanah dan akan kembali juga kepada asalnya.

Jenazah Diazarkan & Diiqamatkan

Jenazah lelaki akan diazarkan manakala wanita akan diiqamatkan. Tujuannya kerana mereka mempercayai bahawa manusia yang telah meninggal dunia itu akan pulang ke rahmat Allah sebagaimana manusia itu diazan atau diiqamatkan ketika dilahirkan begitu jugalah ketika hari kematiannya. Namun hari ini, amalan ini sudah tidak terlalu diamalkan melainkan oleh segelintir masyarakat bajau yang masih mempercayainya. Menurut Imam, turkin atau bacaan-bacaan sebelum arwah dibawa ke tanah kubur sudah mencukupi.

Peranan Gong

Sebagai isyarat. Sebelum jenazah dikeluarkan dari rumah. Kadangkala bagi kematian orang yang berpangkat, tiga das tembakan akan dilepaskan sebelum dan diukuti oleh bunyi gong atau sulimbak dan dipalu sebanyak tiga kali secara bergilir-gilir. Gong ini jugalah yang dipalu

³³ Ibid

sebagai tawag patai iaitu pemberitahuan mengenai kematian etnik Bajau selain digunakan dalam upacara perkahwinan, majlis keramaian dan sebagainya.

Tiga Genggam Tanah

Diambil dan dihamburkan ke kawasan tanah mayat selepas mayat dimasukkan ke dalam liang lahad dan sebelum dikebumikan. Kemudiannya diikuti oleh siraman air Sembilan. Iaitu lebihan air mandi jenazah. Tanah kemudiannya ditimbas untuk menutup liang lahad dan diakhiri dengan bacaan doa. Air talkin akan disiramkan. Pulang ke rumah arwah untuk menikmati hidangan atau jamuan makan-makan.

6.4 Kepercayaan Selepas Upacara Pengebumian

Kangkang Laut

Syaitan yang dipercayai menyerupai anjing laut. Segelintir masyarakat mempercayai ianya mempunyai rupa seperti kuda dan biawak yang sangat panjang. Kedua-dua ini menyebabkan adanya upacara menjaga kubur selama beberapa hari. Kerana ada sesetengah kes, jenazah yang baru dikebumikan hilang dari liang lahad. Kubur berlubang di bahagian atas. Manakala diding hali pula telah hilang. Tradisi lisan mengikut cerita orang dulu-dulu. Kontra dengan Imam Aukasa, yang menyatakan bahawa sepanjang hidupnya beliau mempercayai bahawa kangkang laut itu adalah syaitan yang memakan daging jenazah yang baru dikebumikan. Sepanjang beliau bertugas di sebuah felda yang berhampiran laut di Lahad Datu. Kedudukan kuburan sangat dekat dengan pantai. Rupa-rupanya, kangkang laut yang dipercayai masyarakat Kunak dan etnik bajau sebenarnya adalah sejenis anjing laut yang bias mengesan dan memakan daging jenazah baru melalui dasar pantai.³⁴

7. Rumusan Dan Cadangan

Tingkah laku manusia dapat diketahui menerusi adat dan kepercayaannya. Gambaran kebudayaan dan kerangka teori memberikan makna akan adat. Masyarakat Bajau sudah terbukti menganggap adat sebagai sesuatu yang penting atau warisan yang perlu dipertahankan selaras dengan makna darinya yang didasari oleh teori dan konsep diberi. Pandangan teori dan konsep itu dikemukakan oleh para sarjana dari bidang yang pelbagai. Perlaksanaan ritual kematian masyarakat Bajau sudah pastinya ditunjangi oleh kelas keturunan yang mereka. Perlaksanaan ritual kematian masyarakat Bajau amnya terbentuk menerusi asal usul, latar belakang etnik itu sendiri. Hal ini kerana, etnik Bajau asal usulnya menanamkan semangat aninisme sejak berkunjun lamanya sebagaimana amalan nenek moyang mereka. Wajarnya pada ketika itu, masyarakat tidak terdedah dengan pembangunan dan mengenali Islam.

Kemasukan Islam telah membawa impak kepada *worldview* etnik ini. Namun etnik Bajau yang dikaji adalah beragama Islam, mereka mempercayai Allah SWT namun masih berpegang kepada adat dan kepercayaan yang dianggap mandat nenek moyang mereka. Kepentingan darinya dipercayai memberikan rahmat kepada kehidupan si pelaku atau pengamal. Masyarakat Bajau bertanggapan adat dan kepercayaan ini harus dikekalkan kerana ianya adat yang tidak seharusnya dilupakan melainkan dipertahankan. Bagi mereka yang lalai dan mengendahkannya akan terkena tulah. Bersesuaian dengan kepercayaan bahawa adat

³⁴ Imam Aukasa bin Hasan. Temubual. 20 Disember 2016. Kg. Sungai Atas, Kunak.

dalam ritual kematian masyarakat Bajau ini memiliki rahmat dan semangatnya tersendiri. Ritual kematian masyarakat Bajau dapat dikelompokkan kepada 3 pembahagian iaitu sebelum, semasa dan selpas pengebumian. Perlaksanaan darinya dijalankan dengan begitu teliti, penuh rasa cinta dan diamati kerana mereka percaya amalan ini banyak baiknya dan peranannya tersendiri.

Ringkasnya, adat kematian ini adalah wajar dikekalkan selaras dengan sifatnya yang menjadi simbol atau lambang kepada identiti etnik atau masyarakat Bajau khususnya. Di dalamnya juga terkandung akan nilai-nilai murni yang boleh diambil sebagai panduan dan norma masyarakat yang perlu dicontohi. Jika diamati, pengurusan jenazah sudah pasti memerlukan biaya yang banyak. Sedikit sebanyak adat dan kepercayaan masyarakat ini mampu mengurangkan bebanan keluarga si mati. Hal ini demikian kerana amalan seperti *magjaga-jaga* dan *bakai-bakaian* mengalakkkan sikap tolak ansur dan kerjasama semasa masyarakat untuk turut terlibat dan melupakan nilai kewangan. Nilai persaudaraan disanjung tinggi dan dianggap sebagai tanggungjawab sejagat. Terbukti apabila masyarakat turut serta, membantu dan bersama-sama memastikan pengurusan jenazah dipermudahkan.

8. Penghargaan

Bersyukur ke hadrat Illahi dan segala puji-pujian kepadaNya yang Maha Esa kerana telah mempermudahkan saya menyiapkan tugas ini dengan tabah dan cekal. Alhamdulillah, akhirnya latihan ilmiah ini berjaya disiapkan seperti yang telah ditetapkan.

Terima kasih juga diucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Mohd. Yuszaidy bin Mohd Yusoff di atas bimbingan, dorongan dan kesabaran beliau dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini. Tanpa beliau, sudah pasti agak sukar untuk saya lakukan sendiri.

Seterusnya, terima kasih buat semua pensyarah Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan tunjuk ajar serta sentiasa memberikan kata-kata semangat sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada informan yang sudi meluangkan masa serta tenaga bagi menjayakan hasil latihan ilmiah ini dengan berkongsi ilmu, data, maklumat yang lengkap dan bersesuaian seperti yang dikehendaki dalam kajian ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih buat ibu saya iaitu Puan Norsiya binti Hussian yang mendidik, menjaga serta mencurahkan kasih sayangnya dari kecil sehingga sekarang selepas pemergian ayahanda tercinta. Belaiu tidak jemu-jemu memberikan sokongan dari segi kerohanian, mental serta kewangan. Segala kasih sayang dan dorongan inilah menjadikan saya semakin kuat dalam menghadapi realiti kehidupan.

Rujukan

- Abdullah Siddik. (1971). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmad. (1990). *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*, Associated Educational Distributors (M).
- Cheu Hock Tong. (1991). Pemerhatian ikut serta sebagai satu teknik kajian luar. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 19: 49-66.
- Imam Aukasa bin Hasan, 55 tahun. Temubual. Imam di Daerah Kunak. Kampung Sungai Atas, Kunak Sabah.

-
- Imam Jana bin Kardin, 40 tahun. Temubual. Imam di Kampung Pangkalan Kunak. Kampung Pangkalan, Kunak Sabah.
- Izmanira Ismail. (2003). Adat Tradisi Kematian Bagi Suku Kaum Bajau (Sama) Taun Gusi Kota Belud Sabah. Sekolah Pengajian Seni. Sarjanamuda Pengajian Seni. Universiti Malaysia Sabah.
- Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman & Razmah Dambul (pngr.). (2012). *Bajau Pantai Timur*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Mohd Taib Osman. (1983). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ustaz Nordin bin Hassan, 41 tahun. Temubual. Ustaz di Kampung Pangkalan, Kunak. Kampung Pangkalan, Kunak.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan. (1996). Adat Istiadat Melayu, Melaka. Institusi kajian Sejarah Patriotisme Malaysia, kerajaan Negeri Melaka, Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.